



Takaful Kemalangan Peribadi (PA) DirectCare+

Perlindungan Takaful PA DirectCare+ sehingga RM15,000 tersedia sebagai tambahan pilihan untuk pelan pembiayaan Auto Servis.

| No. | Soalan | Jawapan |
|-----|------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | Apakah Takaful Kemalangan Peribadi (PA) DirectCare+? | Takaful kemalangan peribadi berkumpulan (Takaful PA DirectCare+) yang melindungi anda daripada kemalangan diri dan termasuk ciri perlindungan pembiayaan untuk pemohon yang berjaya menyelesaikan proses checkout Pelan Pembiayaan Auto Servis Direct Lending. |
| 2 | Apakah kriteria kelayakan untuk membeli? | -Had Umur: 18 hingga 65 tahun -Pemohon mesti berjaya menyelesaikan proses checkout Pelan Pembiayaan Auto Servis Direct Lending. |
| 3 | Adakah ini wajib untuk dibeli? | Tidak, pembelian Takaful PA DirectCare+ <u>bukanlah wajib</u> , tetapi sangat disyorkan untuk perlindungan kewangan terhadap kemalangan diri. |
| 4 | Apakah perlindungan/manfaat? | Perlindungan Liputan: Jumlah Perlindungan <ol style="list-style-type: none"> 1. Kematian Akibat Kemalangan: RM15,000 2. Hilang Upaya Kekal: RM15,000 3. Perlindungan Pinjaman (kerana kematian akibat kemalangan): Sehingga RM5,000 * 4. Kehilangan Pekerjaan (kerana hilang upaya kekal): Sehingga RM5,000 * 5. Khairat Kematian: RM3,000 <i>*Untuk menyelesaikan baki pembiayaan Direct Lending.</i> |
| 5 | Apakah tempoh perlindungan dan jumlah sumbangan? | Tempoh Perlindungan: Sumbangan* <ul style="list-style-type: none"> • 3 bulan: RM10 • 6 bulan: RM20 • 12 bulan: RM30 <i>*Termasuk 8% SST dan ini adalah bayaran sekali sahaja.</i> |

| | | |
|----|-----------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6 | Adakah ini pembayaran sekali gus? | Ya, ini adalah pembayaran sekali sahaja yang boleh dibayar semasa proses checkout (jika dipilih); tiada keperluan untuk membayar secara bulanan. |
| 7 | Bagaimanakah saya boleh membeli Takaful PA ini? | Anda boleh memilih untuk menambah pelan takaful ini semasa proses checkout Pelan Pembiayaan Auto Servis Direct Lending. |
| 8 | Siapakah yang menjamin Takaful PA ini? | Takaful ini ditaja jamin oleh Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan diedarkan oleh PolicyStreet (Perfectly Simple Sdn. Bhd.), perantara insurans berlesen. |
| 9 | Bilakah saya akan menerima nota perlindungan atau polisi? | Nota perlindungan atau polisi ini akan dihantar ke emel anda satu bulan selepas proses checkout selesai. |
| 10 | Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan? | <p>Untuk membuat tuntutan, sila emel ke claim@policystreet.com , dan anda akan menerima panduan mengenai proses tersebut.</p> <p>Item yang perlu disediakan (jika ada):</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Salinan sijil kematian (untuk tuntutan kematian) ii. Salinan laporan bedah siasat (untuk tuntutan kematian) iii. Salinan kad pengenalan pencalon/penuntut dan bukti hubungan iv. Laporan pakar perubatan dan penilaian kecacatan yang dilakukan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh kemalangan (untuk tuntutan kecacatan) v. Salinan laporan polis mengenai kemalangan yang didakwa vi. Laporan perubatan dan sebarang dokumen lain untuk menyokong tuntutan vii. Salinan kad pengenalan dan lesen memandu tertanggung/yang meninggal dunia (untuk kemalangan kenderaan motor) |